

12/03/2001

Rakyat anggap demonstrasi jalanan bukan cara penyelesaian masalah

KUALA LUMPUR, Ahad - Pelbagai lapisan rakyat di negara ini menganggap tindakan menganjurkan demonstrasi jalanan secara besar-besaran sebagai langkah terdesak selepas gagal menukar kerajaan melalui proses pilihan raya.

Malah mereka berpendapat golongan yang cuba mengadakan rusuhan dan demonstrasi jalanan hanya cuba mengganggu gugat keamanan dan perpaduan masyarakat majmuk yang berjaya dipupuk kerajaan selama ini.

Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia (Perdasama) mahu kerajaan bertindak tegas terhadap mana-mana kumpulan yang cuba mengganggu keamanan melalui rusuhan dan demonstrasi jalanan.

Presidennya, Datuk Moehamad Izat Emir berkata, tindakan menganjurkan rusuhan dan demonstrasi jalanan bukan saja boleh mengganggu pembangunan ekonomi negara tetapi juga menjejaskan perpaduan rakyat.

"Kumpulan yang menganjurkannya sebenarnya membuka pekung di dada dan menunjukkan belang mereka sebenar. Golongan ini sebenarnya tidak mempunyai hala tujuan dalam perjuangan politik mereka," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir semalam yang mahu rakyat yang tidak menyokong rusuhan dan demonstrasi jalanan supaya menyatakan pendirian mereka bagi memastikan keamanan dan kesejahteraan negara terus berkekalan.

Dr Mahathir berkata, sikap berdiam diri rakyat boleh dianggap oleh penganjur demonstrasi jalanan sebagai memberi sokongan dan merestui mereka untuk bertindak lebih agresif.

Kakitangan swasta, Norma Wati Awang, 23, berkata pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang bertindak sebagai saluran rakyat seperti Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) harus ditubuhkan untuk memudahkan orang ramai menyuarakan pendapat mereka.

Beliau berkata, demonstrasi jalanan atau rusuhan bukan jalan penyelesaian kepada masalah.

Bekas penuntut Universiti Malaya (UM), Vino Nair, 20-an, berkata rakyat harus bersyukur dan menghargai keadaan semasa kerana Malaysia tidak seperti negara serantau lain yang sentiasa berada dalam keadaan huru-hara dan kacau-bilau.

Juruperunding, Rozinah Mat Nawi, 30, berkata demonstrasi jalanan dan rusuhan adalah tindakan melulu dan sia-sia selain ia memberi kesan dan imej buruk kepada orang asing terutama media asing.

"Malaysia adalah sebuah negara yang demokrasi dan demonstrasi tidak akan membawa sebarang perubahan atau hasil positif kepada keputusan yang dibuat kerajaan sebelum ini," katanya.

Di BACHOK, Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Hassan Harun, berkata banyak cara lain boleh dilakukan pihak terbabit untuk menyatakan rasa tidak puas hati terhadap kerajaan tanpa merosakkan harta awam.

Di ALOR STAR, Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Seberang Tambang Badak, Omar Dahaman, 40, berkata demonstrasi seperti itu boleh mempengaruhi orang ramai untuk menimbulkan ketegangan.

Peniaga, Azhar Othman, 35, berkata demonstrasi oleh parti politik boleh memberi kebaikan dan keburukan mengikut cara perhimpunan itu diadakan.

Menurutnya, jika bertujuan menggulingkan kerajaan, demonstrasi boleh mencetuskan huru-hara tetapi bagi memberi sokongan untuk tujuan pembangunan ia sesuatu yang wajar dipertimbangkan.

Di KOTA BHARU, rata-rata rakyat Kelantan tidak bersetuju dengan tindakan mengadakan rusuhan dan demonstrasi jalanan kerana ia boleh menjejaskan keamanan dan kesejahteraan negara dan rakyat seluruhnya.

Mohd Razimi Abdul Manaf, 20, pelajar Universiti Islam Antarabangsa (UIA) berkata, setiap tindakan yang dilakukan hendaklah mengikut saluran undang-undang.

Rakannya, Johan Zain, 20, berpendapat demonstrasi jalanan lebih banyak menyusahkan daripada memberi faedah.

Di JOHOR BAHRU, seorang pesara, Abdul Rahim Selamat, 56, mahu pihak berkuasa terutama polis bertindak tegas terhadap mereka yang melakukan demonstrasi.

Beliau berkata, tindakan itu jika dibiarkan boleh menyusahkan orang lain yang tidak terbabit dan memburukkan imej negara.

Di SEREMBAN, seorang kakitangan swasta, Wazir Abdul Aziz, 35, berkata rakyat tidak seharusnya terpengaruh melakukan demonstrasi jalanan kerana ia tidak menguntungkan mana-mana pihak.

Menurutnya, rakyat sepatutnya duduk berbincang dan menyatakan rasa tidak puas hati mereka terhadap pemimpin mengikut saluran yang betul dan bukan dengan mengadakan demonstrasi jalanan.

Di GEORGETOWN, Peniaga Pasar Mini di Sungai Pinang, Mahmud Samad, 35, berkata demonstrasi jalanan bukanlah budaya rakyat negara ini yang selama ini sentiasa bekerjasama, bersatu padu dan hidup bagaikan satu keluarga.

"Perbezaan pendapat dan rasa tidak puas hati yang wujud boleh diselesaikan melalui musyawarah dan perbincangan," katanya.

Di KUALA TERENGGANU, seorang pelajar, Wan Asniha Wan Asri, 19, berkata rakyat negara ini tidak perlu mencontohi demonstrasi jalanan yang dilakukan negara Indonesia dan Filipina, kerana ia akan mengorbankan banyak nyawa.

Di KUCHING, seorang penduduk Kampung Boyan, Ahmad Mustafa, 64, berkata beliau tidak bersetuju dengan cara itu dan menganggap mereka yang cuba bertindak mengadakan demonstrasi sebagai tidak berpandangan jauh.

Katanya, golongan itu berfikiran singkat dan hanya melepaskan geram tanpa memikirkan kesan yang bakal dihadapi semua pihak selepas mereka mengadakan demonstrasi itu.

DI KOTA KINABALU, seorang kakitangan kerajaan dari Kota Belud, Masmah Jamran, 37, berkata sebagai rakyat Malaysia yang cintakan keamanan, beliau tidak akan menyokong sebarang rusuhan dan demonstrasi jalanan.

"Saya rasa, rakyat di negara ini yang cintakan keamanan pun, pasti berpendirian sebegini.

"Sebarang rusuhan atau demonstrasi jalanan hanya akan menyebabkan kucar kacir, sedangkan kita mahu hidup dalam keadaan aman," katanya.

(END)